

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]**

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa proses melihat kembali (*revisit*) pembentukan Malaysia yang dijanjikan dalam Perjanjian Malaysia selepas 10 tahun Malaysia ditubuhkan tidak dijalankan, sekarang banyak ketidakpuashati sudah dikesan di kalangan rakyat Sarawak dan Sabah, bolehkah proses melihat kembali (*revisit*) dijalankan pada masa akan datang.

JAWAPAN : YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi maksud penubuhan Malaysia, Suruhanjaya Cobbold dan Jawatankuasa Antara Kerajaan(*Inter-Governmental Committee*) telah ditubuhkan untuk mengkaji dan merumuskan persetujuan-persetujuan yang diberikan oleh rakyat di Negeri Sabah dan Sarawak melalui *written memoranda* dan juga *hearings* serta mengemukakan syor berhubung, dengan izin, *future constitutional arrangements, including safeguards for the special interests of North Borneo and Sarawak to cover such matters as religious freedom, education, representation in the Federal Parliament, the position of the indigenous races, control of immigration, citizenship and the State Constitutions.*
2. Syor-syor dalam Laporan Suruhanjaya dan Jawatankuasa berkenaan, setakat yang dipersetujui oleh Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Singapura telah diterjemahkan dalam Perjanjian Malaysia yang ditandatangani pada 9 Julai 1963 yang kemudiannya telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Akta Malaysia 1963 [Akta 26/1963] dan undang-undang yang berkaitan.

Sebagai contoh:

(a) Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155]

Sebagaimana yang dipersetujui dalam Laporan IGC, imigresen ke dalam Malaysia hendaklah kekal di bawah Senarai Persekutuan tetapi undang-undang yang digubal oleh Parlimen hendaklah memastikan kemasukan ke negeri-negeri Borneo memerlukan kebenaran daripada negeri-negeri berkenaan. Dalam hal ini, seksyen 65 Akta 1959/63 memperuntukkan bahawa Pengarah Imigresen di Sabah dan Sarawak hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri Sabah dan Sarawak berhubung pengeluaran pas atau permit kepada mana-mana orang untuk memasuki Malaysia Timur manakala seksyen 66 Akta Imigresen 1959/63 telah digubal bagi memperuntukkan keperluan untuk warganegara mendapatkan permit atau pas bagi memasuki Malaysia Timur; dan

(b) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32]

Berdasarkan Laporan IGC, bahasa Inggeris hendaklah menjadi bahasa rasmi dan boleh digunakan untuk apa-apa tujuan rasmi lain bagi tempoh sepuluh tahun selepas Hari Malaysia kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi Negeri Sabah dan Sarawak selepas itu. Dalam hal ini, subseksyen 1(2) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 memperuntukkan Akta 32 hanya akan berkuat kuasa di negeri

Sabah dan Sarawak pada tarikh yang ditetapkan oleh DUN bagi kedua-dua negeri tersebut.

3. Perjanjian Malaysia merangkumi antara lain, 20 Perkara yang diutarakan oleh Sabah dan 18 Perkara oleh Sarawak bagi melindungi kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak selepas Malaysia ditubuhkan. Antara perkara yang disentuh ialah agama, bahasa, hak kewarganegaraan, pelajaran dan perkhidmatan awam.
4. Berdasarkan Artikel VIII Perjanjian Malaysia, pihak-pihak kepada Perjanjian akan mengambil langkah perundangan, eksekutif atau langkah-langkah lain bagi maksud melaksanakan jaminan, janji dan syor yang terkandung dalam Bab III (*Proposed Constitutional Arrangements*) serta Annex A (*Legislative Lists, Administartive Arrangments and Assurances*) dan Annex B (*the Public Service*) kepada Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (*Report of the Inter-Governmental Committee*) setakat mana yang tidak diperuntukkan secara nyata dalam Perlembagaan Persekutuan.
5. Perjanjian Malaysia dan undang-undang yang berkaitan dengan pembentukan Malaysia khususnya Perlembagaan Persekutuan dan Akta Malaysia 1963 [Akta 26/1963], tidak memperuntukkan apa-apa kehendak untuk membuat kajian semula terhadap terma-terma Perjanjian Malaysia itu sendiri.
6. Namun demikian, bagi beberapa perkara tertentu yang telah dipersetujui tersebut terdapat peruntukan khusus dalam undang-undang yang membolehkan kajian semula mengenainya dilaksanakan. Antara perkara tersebut adalah seperti yang berikut:

- (1) Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kajian semula pemberian khas kepada Negeri Sabah dan Sarawak dalam tempoh lima tahun atau (kecuali bagi kajian semula yang pertama) apa-apa tempoh lain yang lebih panjang sebagaimana dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berkenaan. Kajian semula tersebut hendaklah mengambil kira kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan juga keperluan Kerajaan Negeri yang berkenaan;
- (2) apa-apa undang-undang yang dibuat oleh Parlimen berhubung larangan atau sekatan penggunaan bahasa Inggeris dalam urusan rasmi hanya boleh terpakai berhubung urusan rasmi di Negeri Sabah dan Sarawak 10 tahun selepas Hari Malaysia dan tertakluk kepada pemakaian undang-undang tersebut telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah atau Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (3) Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak tidak dikehendaki untuk mematuhi dasar yang dibuat oleh Majlis Tanah Negara dan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan melainkan jika Parlimen memperuntukkan selainnya dengan persetujuan daripada Yang di-Pertua Negeri (berhubung Majlis Tanah Negara) atau Dewan Undangan Negeri (berhubung Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan).

7. Bagi maksud melaksanakan jaminan, janji dan syor yang setakat ini tidak diperuntukkan secara nyata dalam Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan, Sabah dan Sarawak boleh mengambil langkah perundangan, eksekutif atau langkah-langkah lain berdasarkan Artikel VIII Perjanjian Malaysia.

8. Sehubungan dengan itu, cadangan agar proses melihat kembali (*revisit*) pembentukan Malaysia selepas 10 tahun Malaysia ditubuhkan tidak berbangkit pada masa ini. Walau bagaimanapun, proses melihat kembali (*revisit*) boleh dilaksanakan bagi perkara yang telah dipersetujui dan diperuntukkan secara khusus dalam undang-undang seperti di atas.

Sekian, terima kasih.